

'Imuniti kelompok' kawal, putus rantai jangkitan

Imunisasi antara kaedah berkesan mengawal penularan penyakit, terutama berskala besar dan mengancam nyawa seperti pandemik COVID-19.

Apatah lagi, peningkatan jumlah kes COVID-19 di seluruh dunia amat membimbangkan. Situasi sama dapat dilihat di negara ini ketika gelombang ketiga melanda tanah air.

Tanpa penyelesaian jangka panjang atau rawatan khusus, tidak mustahil wabak COVID-19 akan menjadi penyakit edemik yang akan kekal ada dalam populasi jika tidak dikawal.

Impaknya amat besar kerana ia bukan sahaja menjejaskan kesihatan fizikal, bahkan memberikan kesan kepada mental dan emosi, selain pelbagai sektor termasuk kestabilan sosioekonomi, pendidikan dan politik negara.

Memandangkan setakat ini tiada lagi rawatan khusus untuk COVID-19, rata-rata pesakit dirawat berdasarkan simptom dialami.

Justeru, imuniti dan daya tahan diri dilihat satu-satunya kaedah mengawal penularan COVID-19.

Baru-baru ini, kerajaan memeterai perjanjian dengan syarikat farmaseutikal Pfizer Inc, yang memberi jaminan untuk membekalkan vaksin COVID-19 bagi menampung keperluan imunisasi 30 peratus rakyat negara ini.

Kerajaan turut memeterai perjanjian dengan fasiliti COVAX, inisiatif antarabangsa disokong Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bagi menampung keperluan imunisasi rakyat.

Beberapa rundingan dengan syarikat pembekal vaksin seperti Sputnik dan Moderna juga diadakan.

Ini susulan laporan awal hasil kajian klinikal fasa ketiga vaksin COVID-19 dikatakan berjaya mencegah 90 peratus dan laporan Pfizer Inc serta BioNTech yang menyatakan keberkesanan vaksin mereka mencecah 95 peratus.

Namun, di sebalik keterujaan itu, ketutamaan tetap perlu ditekankan terhadap kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan rakyat.

Justeru, pemilihan vaksin baik, berkesan dan selamat amat penting.

Dalam hal ini, laporan rasmi berkaitan data kajian dijangka akan diterima Pentadbiran Makanan dan Ubatan Amerika Syarikat (FDA) serta Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPR) dalam masa terdekat untuk tujuan penilaian dan kelulusan.

Secara asasnya, pengambilan vaksin bertujuan merangsang sistem imun tubuh manusia bagi penghasilan imuniti atau daya tahan terhadap sesuatu penyakit, sekali gus melindungi diri daripada jangkitannya.

Menurut WHO, dianggarkan 60 hingga 70 peratus populasi dunia perlu mempunyai daya tahan terhadap COVID-19 bagi membolehkan 'imuniti kelompok' dapat dicapai. Dengan cara itu, penularan COVID-19 dapat dikawal.

Imuniti kelompok atau *herd immunity* ialah keadaan penularan jangkitan sesuatu penyakit tidak dapat berlaku kerana sebahagian besar populasi di kawasan terbabit mempunyai imuniti atau daya tahan terhadap penyebab jangkitan penyakit berkenaan.

Apabila peratusan mereka terlindung tinggi, ia merendahkan kemung-

Menurut WHO, dianggarkan 60 hingga 70 peratus populasi dunia perlu mempunyai daya tahan terhadap COVID-19 bagi membolehkan 'imuniti kelompok' dapat dicapai. Dengan cara itu, penularan COVID-19 dapat dikawal.

kinan jangkitan terjadi. Seterusnya, ia dapat memutuskan rantai jangkitan.

Ini bertepatan kenyataan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin, bahawa kerajaan menyasarkan 70 peratus penduduk mendapat vaksin COVID-19 pada suku pertama 2021.

Justeru, tujuan utama sasaran ini adalah supaya imuniti kelompok dapat dicapai negara. Sasaran ini tertumpu kepada orang dewasa, manakala kanak-kanak dan mereka di bawah 18 tahun dikecualikan.

Bagaimanapun, amat penting untuk masyarakat mengetahui mereka tidak akan terus kebal atau terlindung daripada jangkitan COVID-19 seurus selepas menerima vaksin itu.

Sistem imun badan memerlukan tempoh tertentu untuk memproses, seterusnya menghasilkan antibodi diperlukan bagi melindungi mereka daripada potensi jangkitan.

Tempoh penghasilan antibodi juga

subjektif. Ia bergantung kepada beberapa faktor seperti jenis vaksin, tahap kesihatan dan keupayaan tindak balas sistem imun tubuh seseorang.

Kebiasaannya, individu sihat dan memiliki sistem imun badan baik mengambil masa sekitar beberapa minggu hingga sebulan.

Ada juga individu memerlukan lebih sekali suntikan bagi memastikan antibodi terhasil kekal pada aras diperlukan.

Bagaimanapun, individu mempunyai masalah sistem imun mungkin tidak sesuai mengambil vaksin. Penghasilan antibodi memerlukan interaksi antara komponen vaksin disuntik dengan sistem imun berfungsi dengan baik pada tubuh penerima.

Bagi penerima vaksin pula, amat penting untuk mereka kekal meneruskan amalan norma baharu untuk tempoh tertentu selepas menerima suntikan.

Pemantauan berkala ke atas penerima vaksin oleh pihak bertanggungjawab juga perlu dilakukan selepas imunisasi COVID-19.

Ini bagi memastikan penerima berjaya menghasilkan antibodi mencukupi untuk melindungi mereka melawan jangkitan pada masa akan datang.

Meskipun hal ini memberi petunjuk dan harapan kita menghampiri penyelesaian mengekang COVID-19, kita tidak boleh lalai, sebaliknya perlu terus mengamalkan semua garis panduan dan norma baharu.

Kita sebenarnya masih belum menang, tetapi menuju ke arah itu.

Penulis adalah Pensyarah Kanan, Jabatan Sains Bioperubatan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia



**Dr Seri
Narti Edayu
Sarchio**